

CNS2377

U GB 14-12 00158 BA587

Aab

Belanjawan - Mahathir

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Belanjawan 1991 yang dibentangkan hari ini sebagai yang terbaik untuk rakyat hasil daripada pertumbuhan baik ekonomi dan keadaan negara yang stabil.

Perdana Menteri berkata, mungkin ada yang berpendapat Malaysia bernasib baik dalam hal ini, tetapi dibandingkan dengan negara sekeliling, kedudukan ekonomi Malaysia adalah antara yang teristimewa.

+Bahkan negara yang mempunyai sumber minyak yang banyak sekalipun mengalami masalah+, katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen, selepas Menteri Kewangan Datuk Paduka Daim Zainuddin membentangkan belanjawan itu.

Katanya, walaupun Malaysia tidak mempunyai sumber minyak yang banyak, ia berjaya mempelbagaikan punca pertumbuhan ekonomi negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata buat sementara ini krisis Teluk tidak menjejaskan ekonomi Malaysia kerana kerajaan tidak secara tergesa-gesa menaikkan harga minyak, sebaliknya mengambil tindakan sederhana dengan menaikkan harga sedikit sahaja di samping mengawal inflasi. -- Lagi.

♥14/12/19-10MST

CNS2402

U GB 14-12 00156 BA591

Aab

Belanjawan - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata walaupun harga minyak naik, Malaysia mampu untuk tidak menaikkan harga minyak secara runcit kerana itu inflasi dapat dikawal.

+Kalau kita turutkan kenaikan harga minyak umpamanya pada satu ketika harga minyak naik sehingga AS\$40 satu tong dan kalau kita gandakan seperti yang dibuat oleh sesetengah negara dengan menaikkan harga runcit minyak 100 peratus, maka akan wujud tekanan inflasi,+ kata beliau.

Beliau berkata dengan tidak menaikkan harga runcit terlalu tinggi, barangan di negara ini tidak naik harga, dan negara tidak menghadapi masalah barangan yang sudah naik harga dan tidak diturunkan apabila harga minyak turun.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun menyatakan kebimbangannya kalau-kalau negara maju yang terjejas pertumbuhan ekonominya akibat krisis teluk, akan mengurangkan kemampuan mereka membeli barangan eksport Malaysia.

Secara langsung keadaan ini akan memberi kesan pertumbuhan ekonomi yang kurang sihat kepada Malaysia, katanya. -- Lagi.

♥14/12/19-31MST

CNS2425

U GB 14-12 00152 BA592

Aab

Belanjawan - Mahathir 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata belanjawan itu juga boleh dikatakan sebagai penghargaan kepada pekerja tetapi pada keseluruhannya semua pihak diberikan pengiktirafan.

Katanya, walaupun pada pendapat sesetengah orang belanjawan kali ini sebagai pra pilihan raya, tetapi seperti yang dijelaskan oleh Menteri Kewangan, kerajaan tidak bergantung kepada belanjawan itu untuk mendapat kemenangan dan tidak pula kerajaan membatalkan Belanjawan yang disediakan itu, semata-mata kerana Barisan Nasional sudah menang.

+Secara ikhlas kerajaan ingin membina masyarakat penyayang iaitu dengan cuba membantu seberapa banyak rakyat di negara ini melalui pembangunan ekonomi+, katanya.

Katanya, kerajaan berharap rakyat akan memberi kerjasama terutama pekerja kerana mereka akan mendapat hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara yang baik.

Beliau menegaskan bahawa kemajuan Malaysia berpunca daripada kestabilan kerana tanpa keadaan yang stabil, mustahil ia boleh mencapai pembangunan yang begitu pesat. -- Lagi.

♥14/12/19-51MST

CNS2431

U GB 14-12 00141 BA593

Aab

Belanjawan - Mahathir 4 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata belanjawan kali ini banyak menumpukan kepada pengecualian cukai kerana kerajaan telah mampu berbuat demikian tanpa menjejaskan perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur.

Katanya, ini semua berpunca daripada pengeluaran yang meningkat kerana dengan pendapatan yang cukup kerajaan mampu membiayai pembangunan negara tanpa menaikkan cukai.

Beliau mengingatkan rakyat tentang perlunya usaha untuk meneruskan pembangunan infrastruktur sejajar dengan pertambahan pelaburan dalam negara.

+Dengan pelaburan meningkat tahun ini kepada \$32,000 juta, kita juga harus memastikan wang yang diperolehi dilaburkan semula untuk penyediaan kemudahan asas seperti air, elektrik, jalan raya dan pelabuhan yang mencukupi+, katanya.

Ketika ditanya sama ada belanjawan ini bagi menunaikan manifesto BN semasa pilihan raya, beliau berkata kerajaan tidak hanya menunaikan janji mengikut pilihan raya tetapi melaksanakan tanggungjawab setiap masa. -- Bernama.

♥14/12/19-55MST